



"The Entrepreneurial University"

Portal Rasmi UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Bahasa Melayu English Lain-lain | ●●●

Carian...

Staf
Email Staf
Portal Staf

- [Utama](#)
- [Info UMK](#)
- [Pra-Siswazah](#)
- [Pascasiswazah](#)
- [Fakulti /Pusat](#)
 - [Fakulti Keusahawanan & Perniagaan](#)
 - [Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan](#)
 - [Fakulti Perubatan Veterinar](#)
 - [Fakulti Industri Asas Tani](#)
 - [Fakulti Sains Bumi](#)
 - [Pusat Bahasa dan Pembangunan Insaniah](#)
 - [Pusat Pengajian Siswazah](#)
- [Kampus](#)

Laman Facebook Alumni
Laman Web HEPA

[Utama](#) ▶ [Berita Terkini](#) ▶ [TNC \(Akademik & Antarabangsa\) Dilantik Penolong Pesuruhjaya Kehormat Kor SISPA](#)

TNC (Akademik & Antarabangsa) Dilantik Penolong Pesuruhjaya Kehormat Kor SISPA



TIMBALAN Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), YBhg. Prof. Dr. Roselina binti Ahmad Saufi dilantik sebagai Pegawai Kehormat dan Bersekutu Pasukan Kor Siswa Siswi Pertahanan Awam (Kor SISPA) pada Majlis Pentauliah Pangkat dan Penyampaian Watikah Pegawai Kehormat, Bersekutu dan Pegawai Kadet SISPA, baru-baru ini.

Beliau menerima pemakaian pangkat sebagai Penolong Pesuruhjaya Kehormat Kor Sispa oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri, YB. Dato' Wira Abu Seman Yusop, sempena Majlis Perhimpunan Kebangsaan Kor Siswa-Siswi Pertahanan Awam (SISPA), Kali Ke – 3 2012, di kampus Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Terengganu, pada 18 Julai 2012.

Selain Prof. Dr. Roselina, pemakaian pangkat baru itu turut melibatkan enam orang pegawai UMK Pensyarah Kanan Fakulti Sains Bumi, En. Zulhazman bin Hamzah (Leftenan Kolonel Bersekutu) dan Ketua Pustakawan, En. Azman bin Hashim (Mejar Bersekutu).



Manakala pemakaian pangkat bagi Kapten Bersekutu Kor Sispa UMK ialah Pegawai Belia dan Sukan, En. Wan Ahmad Khairul bin Wan

Ahmad Najib, Pegawai Teknologi Maklumat, En. Mohd Fadli bin Mohd Zain, Penolong Pendaftar, En. Raja Azlan bin Raja Ismail dan Penolong Pendaftar Fakulti Perubatan Veterinar, Cik Nor Azina binti Kamarudin.

Sementara itu, Prof. Dr. Roselina menyifatkan pelantikan itu sebagai satu amanah dan tanggungjawab yang harus dipikul dengan baik dan berintegriti tinggi dalam memberi perkhidmatan terbaik bukan sahaja kepada universiti tetapi kepada masyarakat.

Sehubungan itu, sebagai ahli pasukan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), kita telah mengatur strategi dan perancangan untuk memulakan program khidmat sosial dan sukarelawan di negeri Kelantan.

"Melalui pasukan Kor SISPA UMK, setiap ahli perlu peka dengan faktor persekitaran yang berlaku dengan menyertai kerja-kerja amal dan pasukan penyelamat bagi bencana alam seperti kebakaran, tanah runtuh, banjir dan sebagainya," katanya.

Beliau turut bercadang untuk melibatkan pasukan Kor SISPA UMK dalam program-program rasmi anjuran universiti dan sebagai permulaan pasukan tersebut akan membantu unit keselamatan bersama-sama Kor SUKSIS untuk Majlis Konvokesyen Kedua UMK.



Bilangan Pelawat :
297678

[Penafian](#)
|
[Dasar Privasi](#)
|
[Dasar Keselamatan](#)
|
[Soalan Lazim](#)
|
[Hubungi Kami](#)
|
[Bantuan](#)
|
[Peta Laman](#)

Hakcipta © 2012 Portal Rasmi Universiti Malaysia Kelantan.
Paparan Terbaik Mozilla/Firefox/IE/Safari/Camino/Opera Friendly
Universiti Malaysia Kelantan, Karung Berkunci 36, 16100 Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan
Tel : +609 - 7717000
Fax : +609 - 7717022
Email : webmaster@umk.edu.my
Tarikh Kemaskini: 05/11/2012, 00:33:29.